



# Terapi muzik kanak-kanak

HALIM KHALID

Mencipta irama muzik dengan menggunakan barangan keperluan rumah kini menjadi salah satu aspek penting bagi kanak-kanak mengenali dan menjana minat untuk mempelajari muzik dalam suasana pembelajaran yang lebih kreatif.

Kosmo m/s 26.6.07

Oleh NOOR HASLIZA NUSI  
hasliza@kosmo.com.my

**M**ENGGUNAKAN barangan keperluan rumah seperti tin, cawan, kertas, manik, tali, baldi, gayung, kotak, botol minuman dan penutup botol bukanlah satu perkara luar biasa bagi kanak-kanak yang kaya dengan sifat ingin tahu dalam mempelajari dan menghayati sesuatu rentak dalam lagu.

Menerusi bengkel NAGCM-NESLEC® 'Drumusi-

que' yang diadakan di Pusat Sains Negara baru-baru ini, kira-kira 50 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak berusia antara empat hingga tujuh tahun berjaya menghabiskan bengkel yang diadakan selama satu setengah hari ini.

Bengkel yang dianjurkan oleh Persatuan Untuk Kanak-kanak Bergeliga, Malaysia dan disokong oleh NESLAC®, susu untuk membesar premium daripada Nestle, telah menyediakan platform untuk kanak-kanak mendalami dunia muzik sebagai memenuhi impian dan hobi masa lapang mereka.

Dikendalikan oleh salah seorang pemain drum dan gendang terkemuka di Asia serta ahli muzik profesional di World Music Malaysia, Lewis Pragasam, kanak-kanak ini diajar dengan penuh sabar bagaimana mencipta bunyi daripada barangan keperluan rumah.

Lewis yang berpengalaman selama 25 tahun dalam bidang muzik turut mengendalikan beberapa bengkel muzik di serata dunia untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat.

Bukan itu sahaja, bakat dalam bidang muzik juga telah memberi peluang kepadanya untuk mengajar kanak-kanak dalam mencipta alat muzik sendiri dengan menggunakan barangan keperluan rumah. Malah, dalam sebahagian sesi bengkel tersebut, kanak-kanak diberi peluang bermain dengan alat-alatan muzik moden dan tradisional.

Menurut Lewis, beliau menganggap muzik adalah satu perkara penting dalam tumbesaran minda kanak-kanak. Katanya, rentak dan irama juga mempunyai kaitan dengan manusia dan ia merupakan sebahagian daripada kehidupan kita.

"Di samping itu, muzik mengajar kanak-kanak tentang sesuatu rentak menerusi perbuatan dan tingkah laku mereka. Ia bukan semata-mata mengenai lagu. Ketika kanak-kanak berjalan, berlari, bercakap serta melakukan sesuatu perkara, mereka boleh menikmati muzik. Contohnya, nada yang boleh mengajar kanak-kanak tentang suatu intonasi dan nada pertuturan ketika mereka berbicara.

KANAK-KANAK turut didedahkan dengan peralatan muzik moden dan tradisional.

KREATIF. Kanak-kanak berpeluang mencipta alat muzik mereka sendiri.



**MEWUJUDKAN** kerja berkumpulan menjadi objektif utama bengkel ini.



**MUZIK** bukan sekadar hiburan, malah dapat meningkatkan minda kanak-kanak.


↳ "Jika mereka tidak dapat mengenal pasti rentak pada setiap perkataan yang diucapkan, maka setiap percakapan mereka akan menjadi kelam-kabut. Oleh itu, rentak adalah komponen penting terhadap kanak-kanak yang masih kecil," ujarnya ketika ditemui *KOSMO!*

Justeru katanya, melalui rentak dan irama dalam muzik, ia berkesan membantu pembinaan minda serta meningkatkan penjaan IQ terhadap mental dan fizikal kanak-kanak.

"Muzik dan kanak-kanak ada banyak kaitannya. Biarpun keaslian muzik terdapat pada suara seseorang, tetapi minda juga memainkan peranan penting dalam melahirkan sesebuah perasaan agar mereka dapat menghayati lagu yang dimainkan.

"Perkara ini telah memberi idea kepada saya untuk mendalami bidang muzik yang kemudiannya diaplikasikan khusus untuk kanak-kanak. Walaupun peralatan rumah menjadi perkara asas bagi pembelajaran muzik, tetapi ia berkesan meningkatkan pengetahuan si kecil menerusi keupayaan berfikir dan mengingat".

Lewis pernah mencurahkan ilmunya itu kepada hampir 700 orang kanak-ka-



nak di seluruh negara.

Beliau menjelaskan bahawa, selain mengajar dan mengenali muzik menggunakan segala perkakas rumah, sedikit sebanyak apa yang diajar itu boleh mendidik kanak-kanak agar bersikap peka terhadap barangan kitar semula seperti kotak, botol minuman, penutup botol dan tin susu.

Ditanya bagaimana beliau berjaya mewujudkan sebuah kumpulan memandangkan usia kanak-kanak itu terlalu kecil?. Beliau berkata, berdasarkan pe-

↳ Di samping itu, muzik mengajar kanak-kanak tentang sesuatu rentak menerusi perbuatan dan tingkah laku mereka. Ia bukan semata-mata mengenai lagu  
— LEWIS

ngalamannya dalam menyatukan sesebuah kumpulan kanak-kanak, perkara yang mesti didahulukan adalah dengan melihat pada wajah kanak-kanak itu dahulu.

"Memandangkan mereka masih terlalu kecil, ibu bapa haruslah membenarkan anak-anak mereka melakukan apa jua perkara mengikut kehendak dan cita rasa mereka. Janganlah terlalu memaksa jika sesuatu perkara itu tidak diminatinya," kata Lewis.

Pada akhir program tersebut, ka-

nak-kanak kelihatan begitu bersemangat untuk mempelajari muzik serta begitu kreatif dalam menghasilkan peralatan muzik sendiri dengan menggunakan botol, manik dan juga beras.

Sementara itu, Timbalan Presiden NAGCM, Lalita Nair, berkata, pihaknya sentiasa mencari cara untuk menggalakkan pembelajaran dengan lebih seronok dan sesuai. "Kami percaya, aktiviti sebegini dapat mempertingkatkan minat dan hobi mereka dalam bidang muzik.

"Bengkel ini bukan sahaja membolehkan kanak-kanak merasai sesuatu pengalaman yang berbeza dan menarik, tetapi kami juga percaya, perkembangan kemahiran kanak-kanak kecil akan meningkat melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan ini," ujarnya.

Seorang ibu, Yasmin Suleiman, 40, berkata, bengkel sebegini memberi kesan mendalam terhadap pemikiran kanak-kanak menerusi proses membina keyakinan dalam bidang muzik.

"Gabungan antara mental dan muzik akan meningkatkan keupayaan berfikir dan menghafal serta bijak menghurai-kan sesuatu perkara yang dilakukan," jelasnya.